

UCAPAN PERDANA MENTERI, DI UPACARA PEMBUKAAN RASMI MAKTAB PERHUTANAN KEPONG, SELANGOR PADA 21HB JULAI, 1973

Y.B. Datuk Taib Mahmud, Menteri Perusahaan Utama, Tuan Haji Ismail, Ketua Pengarah Perhutanan, Pengetua Maktab Perhutanan Kepong, Dif-dif yang terhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Saya merasa amat gembira kerana diberi penghormatan merasmikan Kolej Perhutanan yang baru ini.

Sukalah saya mengambil peluang terlebih dahulu mengucapkan terimakasih kepada Datuk Taib Mahmud selaku Menteri yang berkenaan dan juga kepada Tuan Haji Ismail, Ketua Pengarah Perhutanan atas jemputan mereka, dan di samping itu mengucapkan tahniah atas kejayaan Jabatan Hutan mendirikan Kolej yang moden ini.

Bagi diri saya sendiri, perasmian sebuah lagi institusi latihan seperti Kolej Perhutanan ini amatlah menggembarakan kerana dengan ini bermakna kita maju selangkah lagi ke depan dalam usaha menyediakan vital infrastructure yang akan menambah ramai kumpulan tenaga terlatih yang sangat mustahak bagi perkembangan dan pembangunan ekonomi negara.

Seperti yang dimaklum, matlamat pembangunan negara ialah untuk memberikan taraf hidup yang baik dan sempurna kepada bilangan rakyat yang lebih ramai. Bagi maksud ini segala sumber kekayaan alam yang ada patutlah digunakan dengan sebaik-baiknya supaya munafaatnya dapat dinikmati oleh semua. Kita sungguh bersyukur kerana diberi Allah kekayaan alam iaitu tanah yang subur, hutan rimba yang luas dan isi bumi berbagai rupa termasuk batu permata.

Dalam tempoh beberapa tahun yang lepas ini kita telah berjaya memperbaiki method dan strategy pembangunan yang disesuaikan dengan kehendak-kehendak perubahan. Begitu juga kita tidak menghadapi masalaah kewangan ataupun idea tetapi kita masih sangat kekurangan mengenai tenaga manusia yang terlatih serta berkemahiran dalam jurusan-jurusan tertentu dan oleh itu amatlah

penting dan mustahak kita mengatasi masalah ini melalui langkah jangka pendek dan juga untuk jangka panjang demi kemajuan negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Dalam sektor kehutanan, keperluan bagi tenaga yang terlatih amat mendesak pada waktu ini. Hutan rimba masih merupakan sumber kekayaan alam yang terbesar dan oleh itu menghendaki tenaga terlatih yang besar pula. Hanya patutlah diingat bahawa sumbangan sektor kehutanan ini bukanlah bergantung semata-mata kepada keluasannya, bahkan yang lebih penting ialah kesanggupan kita menerusi integrated approach menyesuaikan dayausaha dalam kerja timber exploitation, industrialisation dan product diversification supaya memenuhi keperluan pasaran dunia. Oleh yang demikian, amatlah penting dewasa ini kita menyusun peringkat-peringkat pembangunan yang akan menjamin penggunaan kekayaan hutan dengan cara yang lebih baik, di mana tiap-tiap kawasan hutan simpanan akan dijaga dan dimajukan supaya penghasilan kayu balak akan terjamin dalam arti kata quantity dan quality. Harus diingat juga bahawa tanah hutan diperlukan untuk kegunaan lain seperti pertanian dan industry dan kerana itu pengekalan hutan simpanan yang besar mestilah berasaskan perhitungan yang wajar dan teliti. Lambat laun sektor kehutanan mestilah bersaing dan membuktikan kecekapannya berbanding dengan sektor ekonomi yang lain-lain dalam penggunaan tanah negara.

Pada hemat saya, dalam context pembangunan jangka panjang, mestilah ada perancangan yang teratur bagi menetapkan pembahagian kawasan hutan dan kawasan pertanian. Dari itu perusahaan kehutanan mestilah bersedia menjalankan peranan yang positif dalam ekonomi negara sama seperti perusahaan pertanian ladang secara besar-besaran. Meskipun dalam tahun-tahun akan datang kelak kawasan hutan akan beransur kecil berbanding dengan masa ini, adalah mustahak dikekalkan kelulusan basic supaya forest industry dapat terus memainkan peranan penting pada masa hadapan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya difahamkan pada masa ini di Semenanjung Malaysia terdapat lapan juta ekar kawasan hutan yang belum dihasilkan dan tujuh juta ekar yang telah diusahakan mengandungi lebihkurang

140 juta cubic tan kayu. Akan tetapi hasil yang penuh tidak mungkin didapati kecuali kalau pengurusan hutan dijalankan dengan cekap dan bermutu. Dimasa lepas banyak terdapat amalan mengambil jenis-jenis kayu yang terpilih dan berharga tinggi sahaja seperti yang terbukti dengan adanya tujuh juta ekar kawasan yang masih boleh diusahakan itu. Ini adalah disebabkan oleh kekurangan pegawai-pegawai di Jabatan-jabatan Hutan Negeri untuk mengawasi kegiatan pelesen-pelesen dan pembalak-pembalak supaya mengambil semua jenis kayu yang berguna dan berharga. Bahkan ada pembalak-pembalak yang sanggup membayar denda daripada mematuhi syarat-syarat dan peraturan menebang semua kayu yang ditandakan dalam kawasan mereka.

Saya menyeru kepada semua mereka yang mendapat kawasan balak supaya lebih bertanggungjawab dan mematuhi syarat-syarat yang ditentukan agar kekayaan hutan dihasilkan sepenuhnya. Andaikata amalan ini masih diteruskan, Kerajaan terpaksa mengambil langkah-langkah yang lebih keras terhadap orang-orang yang engkar itu.

Saya juga sedar bahawa sungguhpun kawasan hutan simpanan jatuh di bawah pengawasan Jabatan Hutan, kawasan hutan dalam tanah Kerajaan Negeri tidak termasuk pula. Barangkali ada baiknya kalau Kerajaan-kerajaan Negeri menimbangkan hal ini agar memasukkan kawasan hutan itu dalam lingkungan Forest Enactment supaya dapat dijalankan pengawasan yang teliti dan sekata terhadap kegiatan-kegiatan membalak di kawasan-kawasan tersebut.

Tujuan pengawasan ini ialah semata-mata untuk menjamin penggunaan hutan yang lebih sempurna pada keseluruhannya dan tidak hanya menumpukan perhatian kepada kayu jenis yang terbaik dan terpilih sahaja. Saya sukacita mendapat tahu beberapa jenis kayu kurang berharga pada masa dulu seperti Mersawa, Mangkulang dan Kempas sudahpun popular di kalangan pengilang-pengilang kayu, dan kilang-kilang kayu yang progresif sedia menerima balak yang agak kecil lilitannya. Pembukaan lebih banyak integrated timber complex seperti di Pekan, Sungai Petani dan lain-lain menjamin penggunaan kayu yang lebihbaik serta mengurangkan pembaziran yang sia-sia.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Seperkara lagi yang saya anggap amat mendesak ialah dasar penubuhan semula hutan simpanan—regeneration of designated

forest reserve areas—oleh kerana memikirkan perlunya mengekalkan kekayaan alam untuk menjamin kestabilan perusahaan hutan di negara ini. Oleh yang demikian, mustahaklah rancangan forest regeneration yang tersusun dilaksanakan secara systematic bukan saja bagi kawasan-kawasan yang sedang diusahakan tetapi juga kawasan-kawasan yang lama terbiar di masa lalu. Kerajaan telah-pun memperuntukkan wang bagi maksud ini tetapi saya diberitahu masalahnya ialah kekurangan kakitangan. Inilah satu tugas utama Kolej Perhutanan ini supaya dapat melatih kakitangan yang cukup bagi Jabatan Hutan dan saya ingin melihat pengambilan yang lebih ramai di masa hadapan.

Dasar regeneration ini mempunyai kaitan juga dengan keperluan memelihara hutan dengan tujuan mengekalkan keadaan alam sekeliling semula jadi menerusi langkah-langkah afforestation yang teratur baik dan dengan itu dapat mengawal ataupun mengurangkan akibat bencana banjir dan juga pengotoran alam. Harusnya diingat bahawa kekayaan alam semula jadi adalah hak warisan jenerasi-jenerasi masa hadapan dan tidaklah adil bagi kita jenerasi masa ini menghabiskan semua kekayaan ini dan hanya meninggalkan tanah tandus yang kering kumpang atau barren desert kepada anak cucu kita kelak.

Saya suka hendak mengingatkan semua pihak yang berkenaan supaya berlaku adil dan berhati-hati dalam pengambilan kekayaan alam pemberian Tuhan ini supaya nikmat daripadanya dapat dirasakan juga oleh mereka yang datang selepas kita kelak. Amalan yang dijalankan oleh setengah-setengah pihak yang tidak bertanggung-jawab menebang hutan semata-mata untuk merebut kekayaan tanpa memperhitungkan akibat buruk yang timbul daripadanya hendaklah dihentikan sama sekali demi kepentingan dan kebaikan negara pada masa akan datang.

Saya percaya dengan cara pengurusan serta pengawasan yang baik dan berencana or planned kekayaan hutan di negara ini boleh dikekalkan sebagai landasan timber-based industries untuk beberapa lama. Kajian yang dibuat oleh UNDP/FAO di Semenanjung Malaysia dan Sarawak menunjukkan potential expansion dalam bidang ini dengan kemungkinan menubuhkan dua puluh satu buah integrated timber complex yang besar hingga tahun 1985. Projek-projek yang mula berjalan sekarang ini iaitu di kawasan Pahang Tenggara, di Trengganu Tengah, Kelantan dan Bahagian ke-4 di

Bintulu Sarawak adalah antara projek-projek besar yang sedang dilaksanakan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Tidak syak lagi potential masa depan dalam sektor kehutanan merupakan cabaran besar bagi Jabatan Hutan dan juga pengusaha-pengusaha dalam dan luar negeri. Sektor ini mempunyai kedudukan yang ideal bagi menumbuhkan serta mempesatkan bidang industry, terutama di kawasan-kawasan luar bandar dengan membawa pelaburan ke tempat yang kurang maju dan bandar-bandar baru yang akan muncul di negara ini. Dengan demikian, sektor ini dapat memainkan peranannya yang wajar pada segi pelaburan modal, menggerakkan jentera yang membuka peluang pekerjaan, meninggikan pendapatan dan memberi latihan kemahiran kepada rakyat luar bandar. Inilah sumbangan yang amat berharga terhadap usaha menyusun semula masyarakat bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Selain dari kegiatan-kegiatan kemajuan perhutanan, saya suka juga menarik perhatian umum kepada usaha-usaha Kerajaan mengadakan ladang-ladang hutan kayu pine dan lain-lain jenis untuk membekalkan pulp wood bagi perusahaan kertas. Di samping membuka satu aspek kemajuan yang baru, hutan-hutan kayu yang tersusun juga menambahkan kecantikan alam serta memelihara tanah pertanian serta bekalan air yang mustahak bagi kehidupan manusia. Tambahan pula rancangan mengadakan Taman-taman Rimba seperti di Pahang Tenggara yang dikatakan serupa dengan Yellowstone National Park di samping mencantikkan tempat-tempat air terjun di beberapa tempat menambah kemudahan rekreasi serta memberi nikmat kepada kehidupan kita semua.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya suka mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Datuk Taib dan pegawai-pegawainya kerana mengambil langkah tegas dan berpandangan jauh dalam urusan kehutanan negara. Penubuhan Kolej ini bagi melatih kakitangan di tingkatan sub-professional adalah satu langkah yang kena pada tempatnya bagi melengkapi keperluan tenaga di Jabatan Hutan. Universiti Pertanian diharap akan dapat mengeluarkan tenaga professional sementara Sekolah Hutan dan Sekolah Membalak anjuran Kerajaan Negeri serta kursus di MIT akan membekalkan ramai lagi tenaga bagi bidang yang sedang berkembang maju ini.

Saya suka juga memuji langkah yang diambil oleh Kementerian Perusahaan Utama untuk menyusun semula Lembaga Perusahaan Kayu Malaysia dengan tujuan antara lain-lain menyatukan peluang pemasaran kayu dengan pengeluarannya, dan juga mengadakan kecekapan penasihat perusahaan dalam Jabatan Hutan untuk memberi nasihat dan panduan atas perancangan, penubuhan dan operasi perindustrian kayu atau timber-based industries.


Selanjutnya, suka saya merakamkan penghargaan bagi pihak Kerajaan Malaysia dan saya sendiri atas bantuan yang diberikan oleh UNDP dalam projek mendirikan Kolej Perhutanan ini dan juga tenaga guru-guru serta fellow-ship bagi melatih guru-guru tempatan. Bantuan UNDP dalam program kehutanan negara yang akan dilaksanakan kelak amat dihargai dan Kerajaan akan memerhatikan pelaksanaan program ini supaya mencapai sepenuh kejayaan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terimakasih kepada Tuan Haji Ismail, Ketua Pengarah Perhutanan, yang telah sudi menamakan sejenis pokok dengan nama saya sendiri. Saya diberitahu pokok ini tumbuh tinggi mencecah awan tetapi buat saya sendiri saya lebih suka sentiasa berjejak dibumi.

Kepada para pelajar pertama di Kolej ini, saya berharap mereka akan belajar dengan tekun supaya mencatatkan rekod yang tinggi untuk jadi tauladan kepada angkatan yang berikut kelak.

Dengan kata-kata itu, saya sukacita merasmikan Kolej Perhutanan ini.



Tun Abdul Razak bin Hussein sedang melihat contoh kayu melalui cermin pembesar di pembukaan Kolej Perhutanan di Kepong, Selangor pada 21hb Julai, 1973.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)